

# UniMAP RAIH KEJAYAAN 100 PERATUS DI MTE 2018



Oleh : Mohd Basri Basir

Kuala Lumpur, 18 Februari – Pil Arang Buluh bagi rawatan cirit birit telah meraih pingat emas pada Malaysia Technology Expo (MTE 2018) yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra, baru-baru ini.

Produk penyelidikan Dr. Muhammad Mahyiddin Ramli dari Pusat Pusat Kecemerlangan Teknologi Hijau dan Geopolimer (CEGeoGTech), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) itu turut meraih Anugerah Terbaik MTE dan INNOPA Indonesia Special Award.

Pengurus CEGeoGTech, Prof. Madya Dr. Mustafa Al Bakri Abdullah berkata, penyelidikan pil itu melibatkan usahasama di antara UniMAP, Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Syarikat JitraGro Resources sejak tahun 2015.

"Pada MTE kali ini, kita turut menghantar dua lagi produk iaitu Design and Development of Automated UHT Boiler for Dadih and Milk hasil penyelidikan Mohammad Farizuan Rosli dan A Robust Lead-Free Solder Joint for Aerospace Electronic Interconnect Applications, produk Dr. Mohd Arif Anuar Mohd Salleh.

"Selain meraih pingat perak, kedua-dua produk ini turut meraih anugerah khas dari CIIS Taiwan Special Award dan Croatia Special Award,"katanya lagi.